



MSM bayar dividen 19 sen sesaham

KUALA LUMPUR 13 Jun - MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) mengumumkan keseluruhan dividen pertamanya selepas ia disenaraikan di Bursa Malaysia, berjumlah 19 sen sesaham bagi keseluruhan tahun kewangan 2011.

Presiden Felda Global Venture Holdings Bhd (FGV), Datuk Sabri Ahmad berkata, dividen sebanyak lapan sen sesaham daripada jumlah tersebut telah dipayar kepada pemegang saham pada Disember lalu.

"Pemegang saham amat gembira kerana bayaran dividen sebanyak 19 sen sesaham amat baik semasa harga pasaran lebih kurang RM5 seunit dan jika ditukar ia lebih kurang 3.8 peratus hasil selama enam bulan," katanya semasa sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan Pertama MSM di sini hari ini.

Syarikat pengeluar gula proses terbesar di Malaysia milik (FGV) disenarai di Bursa Malaysia pada 28 Jun tahun lalu dengan modal pasaran mencecah RM3.5 bilion.

Menurut Sabri, MSM merekod keuntungan sebelum cukai RM 263.82 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, meningkat RM232.87 juta berbanding tempoh sama tahun lalu.

Prestasi positif itu didorong oleh peningkatan hasil kepada RM2.3 bilion berbanding RM2.17 bilion tahun lalu disokong oleh kenaikan eksport sebanyak 153,964 tan metrik pada 2011 berbanding 118,785 tan metrik pada 2010 ekoran kekurangan gula di Thailand disebabkan cuaca buruk yang melanda negara itu yang menjejaskan pengeluaran gula.